

# Polis lakukan rondaan

KUALA TERENGGANU 26 Dis. - Polis Terengganu akan melakukan rondaan di kawasan penempatan yang ditinggalkan mangsa banjir ekoran berpindah ke pusat penempatan bagi mengelakkan ke-diaman mereka dipecah masuk penjenayah.

Ketua Polis negeri, Datuk Jamshah Mustapa berkata, pihaknya mengarahkan pasukan rondaan digerakkan di setiap daerah bagi tujuan itu di kawasan dikenal pasti.

“Rondaan dilakukan dengan menggunakan bot, motosikal, kereta dan pacuan empat roda. Kita juga mendapat kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK),” katanya dalam Majlis Perhimpunan Bulanan di Pekarangan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Hamzah Mohd. Jamil dan Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Zamri Samsuddin.

Jamshah turut menasihatkan mangsa banjir yang berpindah agar memaklumkan alamat rumah yang ditinggalkan kepada balai polis berhampiran atau kepada anggota polis yang bertugas di pusat pemindahan banjir.

“Orang ramai harus peka dan berwaspada dengan amaran banjir yang dikeluarkan pihak berkuasa dan jangan berleengah apabila diarah berpindah di samping menyimpan dokumen penting di tempat selamat.

“Selain itu, ibu bapa perlu sentiasa mengawasi anak-anak agar tidak bermain banjir kerana malang tidak berbau,” katanya.



**JAMSHAH**